



MRT MUTIARA SDN BHD

(No. Syarikat 202401019008 (1564857-T))

(Sebuah Anak Syarikat Malaysia Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (dahulu dikenali sebagai Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd))

KENYATAAN TENDER

Kerajaan Malaysia telah melantik Malaysia Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (dahulu dikenali sebagai Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd) sebagai pemaju projek dan pemilik aset yang akan melaksanakan dan menyiapkan sepenuhnya satu sistem rel metro yang dikenali sebagai **PROJEK RAPID TRANSIT ALIRAN RINGAN (LRT) PULAU PINANG - LALUAN MUTIARA (PML)**. MRT Corp melalui anak syarikatnya **MRT Mutiara Sdn Bhd (MRTM)**, akan melaksanakan Projek PML sepenuhnya.

MRTM mempelawa bakal Petender yang berpotensi untuk menyertai tender bagi pakej kerja yang dinyatakan dalam jadual di bawah.

TAJUK TENDER DAN NOMBOR TENDER	SYARAT-SYARAT PENDAFTARAN	SYARAT-SYARAT TENDER	HARGA DOKUMEN TENDER	TAKLIMAT TENDER
<p>PROJEK RAPID TRANSIT ALIRAN RINGAN (LRT) PULAU PINANG - LALUAN MUTIARA (PML)</p> <p>PACKAGE CMC2: CIVIL MAIN CONTRACTOR FOR THE DESIGN, CONSTRUCTION AND COMPLETION OF SEA CROSSING VIADUCT INCLUDING SPANS FOR NAVIGATION CHANNELS, ELEVATED STATION AND OTHER ASSOCIATED WORKS FROM MACALLUM TO PENANG SENTRAL</p> <p>NOMBOR TENDER: MTL-MRTC-CMC2-OVPR-TEN-000002</p>	<p>a) Kontraktor Tempatan</p> <p>Memiliki Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) daripada CIDB.</p> <p>CIDB Gred: G7 Kategori: CE02, CE03, CE21, CE16, CE40</p> <p>(CE16 & CE40 : Subkontraktor yang dinamakan oleh syarikat Usahasama / Konsortium boleh memenuhi kategori ini)</p> <p>b) Kontraktor Asing</p> <p>Kontraktor asing perlu menyediakan Salinan Sijil Penubuhan Syarikat yang disahkan oleh notari di negara syarikat ditubuhkan.</p>	<p>i. Terbuka kepada Kontraktor tempatan di Malaysia. Penyertaan kontraktor asing adalah dibenarkan dengan membentuk Usahasama / Konsortium bersama Kontraktor tempatan.</p> <p>ii. Ekuiti penyertaan Syarikat Malaysia / tempatan hendaklah minimum 50% di dalam syarikat Usahasama / Konsortium.</p> <p>Definisi:- Sebuah syarikat dianggap sebagai syarikat Malaysia / tempatan sekiranya 70% (atau lebih) daripada sahamnya dimiliki oleh warganegara Malaysia secara efektif berdasarkan Akuan Berkanun (SD) 'Ultimate Beneficial Owner (UBO)'.</p>	<p>RM30,000.00 (Ringgit Malaysia Tiga Puluh Ribu Sahaja)</p> <p>dalam bentuk Deraf Bank / Banker's Cheque / Online Transfer</p> <p>Pembayaran kepada:- MRT Mutiara Sdn Bhd (202401019008 (1564857-T))</p>	<p>Tarikh : Rabu, 5 November 2025 Masa : 10.00 pagi Tempat : Gurney Bay Hotel, 53 Persiaran Gurney, 10250 Georgetown, Pulau Pinang</p> <p>Semua Petender dikehendaki mendaftar pada Rabu, 5 November 2025 di lokasi yang tertera di atas di antara jam 9.30 pagi hingga 10.00 pagi.</p> <p>Wakil-wakil dari pihak Petender yang berminat mestilah dari kakitangan utama yang berkelayakan dan berpengetahuan di dalam bidang tender dan kontrak serta diberi kuasa oleh syarikat.</p> <p>Wakil Pembida WAJIB mengemukakan Sijil Pendaftaran yang 'ASAL' dan 'SALINAN YANG DISAHKAN' (oleh Setiausaha Syarikat atau Pengarah Syarikat) seperti dinyatakan di dalam SYARAT-SYARAT PENDAFTARAN sewaktu menghadiri Taklimat Tender. Kegagalan mengemukakan sijil-sijil tersebut akan membatalkan kelayakan untuk menghadiri taklimat.</p>

Petender mestilah memenuhi syarat-syarat **MANDATORI** seperti berikut untuk menyertai Tender ini:

KEPERLUAN KEUPAYAAN TEKNIKAL	KEPERLUAN KAPASITI KEWANGAN
<p>Nota: Bagi penyertaan secara Usahasama / Konsortium, penilaian keupayaan Teknikal / Kewangan adalah berdasarkan purata ekuiti dalam Usahasama / Konsortium.</p>	
<p>Petender telah dilantik dan berjaya menyiapkan projek yang di nyatakan seperti di bawah sebagai Kontraktor Reka dan Bina dalam tempoh 15 tahun yang lalu. Bagi Usahasama/Konsortium, rekod pengalaman bagi setiap ahli Usahasama/Konsortium akan di ambil kira secara agregat.</p> <p>i. Sekurang-kurangnya satu (1) <i>span waterbody-crossing viaduct incorporating a cable-stayed bridge with a main navigational span tidak kurang daripada 300m</i>; dan</p> <p>ii. Projek-projek infrastruktur awam dengan nilai kontrak terkumpul sekurang-kurangnya RM500 Juta; dan</p> <p>iii. Berpengalaman dalam infrastruktur dan/atau sistem keretapi.</p>	<p>i. Dana Pemegang Saham (berdasarkan tahun kewangan terkini) mestilah tidak kurang daripada RM100 juta.</p> <p>ii. EBITDA terkumpul sepanjang 5 tahun sebelumnya mestilah positif.</p> <p>iii. Baki kemudahan kredit yang tidak digunakan daripada Institusi Kewangan yang sedia ada tidak kurang daripada RM150 juta.</p>

Dokumen Tender boleh dibeli **mulai 6 November 2025 sehingga 5 Disember 2025** di pejabat seperti yang tertera di bawah:

TEMPAT JUALAN DAN PENYERAHAN DOKUMEN TENDER	WAKTU OPERASI KAUNTER TENDER
<p>MRT MUTIARA SDN BHD Jabatan Perolehan (Kaunter Tender) Tingkat 6, Menara I&P 1, No. 46, Jalan Dungun, Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur, Malaysia.</p>	<p>Isnin hingga Khamis : 9:00 pagi – 12:30 tengahari dan 2:00 petang – 5:00 petang Jumaat : 9:00 pagi – 12:00 tengahari dan 3:00 petang – 5:00 petang</p>

Petender boleh membeli dokumen tender secara elektronik dengan menghubungi MRT Mutiara Sdn Bhd melalui e-mail procurement.mtl@mymrt.com.my.

Tarikh serahan tender adalah pada **Khamis, 2 April 2026**. Dokumen yang telah lengkap diisi hendaklah diserahkan **tidak lewat dari jam 12:00 tengahari**. Sebarang kelewatan didalam penyerahan tender dokumen tidak akan diterima.

Nota:

- Petender dibenarkan membentuk satu Usahasama/Konsortium dengan dianggotai tidak lebih daripada **tiga (3) buah syarikat**.
- Petender dibenarkan menyerahkan hanya satu (1) tender sahaja, sama ada sebagai sebuah entiti tunggal atau Usahasama/Konsortium. Petender yang didapati telah mengambil bahagian lebih daripada satu (1) tender akan dibatalkan keseluruhan penyertaannya secara automatik.
- Penyertaan Syarikat Usahasama/Konsortium hendaklah disertakan dengan Perjanjian Usahasama/Konsortium dan perjanjian tersebut perlu menyatakan rakan kongsi utama, penyertaan ekuiti bagi setiap Syarikat Usahasama/Konsortium dan hendaklah mempunyai klausa yang menyatakan bahawa semua ahli Syarikat Usahasama/Konsortium adalah bertanggungjawab secara bersama (*Jointly and Severally Liable*) bagi Syarikat Usahasama/Konsortium tersebut.
- Sebarang pertanyaan berhubung dengan tender ini hendaklah dibuat secara bertulis melalui e-mail ke procurement.mtl@mymrt.com.my.
- MRTM berhak untuk menerima atau menolak mana-mana permohonan, meminta penjelasan selanjutnya dari mana-mana Petender serta membatalkan proses tender ini dan menolak kesemua permohonan pada bila-bila masa tanpa menyatakan apa-apa sebab. MRTM tidak akan menanggung sebarang liabiliti dari segala segi terhadap Petender yang terlibat atau menyatakan sebab keputusan tersebut dibuat.